

TALKING POINTS

YBRS. PROF. TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN

NAIB CANSELOR UTeM



PERJUMPAAN KESIDANG ALUMNI (STAF DALAMAN UTeM)

26 Ogos 2022 (Jumaat), 9.00 pagi

Auditorium Canselor UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Terima Kasih Pengacara Majlis,

**Yang Berbahagia Profesor Madya Datuk Dr. Sabri bin
Mohamad Sharif**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)



Dr. Hazli Rafis bin Abdul Rahim

Pengarah

Pusat Pengurusan Alumni dan Kebolehpasaran Graduan

Alumni-Alumni UTeM

Serta Keluarga UTeM yang saya kasihi sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Keluarga Malaysia

Salam Keluarga UTeM



1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah SWT , kerana di atas limpah kurnia dan keizinannya dapat kita bersama di Auditorium Canselori pada pagi Jumaat yang penuh barakah ini bersempena dengan Kesidang Alumni (staf UTeM).


2. Terima kasih kepada PPAKG yang berusaha untuk menyegerakan platform ini supaya dapat bersemuka dengan “asset” terpenting UTeM. Terima kasih juga kepada semua alumni UTeM (staf UTeM) kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama dalam Kesidang Alumni (staf UTeM) pada pagi ini.

وَنِيفِرِ سِيٰتِي تِحْكَمُ
Keluarga UTeM yang dikasihi sekalian,

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

3. Pertemuan kita pada pagi ini merupakan pertemuan julung kali diadakan. Pertemuan bersama pengurusan Universiti


seperti ini wajar diadakan secara berkala, tidak kisahlah bersama Naib Canselor mahupun Pengarah PPAKG, kerana engagement sebegini dapat merapatkan lagi ukhwah dan jaringan baik antara Alumni UTeM dan pihak Universiti.

- 
4. Untuk makluman semua, perjumpaan pada pagi ini juga adalah lanjutan daripada tindakan selepas 100 hari Naib Canselor bagi mencari serta mendekati aset terpenting universiti ini, iaitu tuan/puan alumni UTeM.
 5. Ini bagi mendukung misi: Menjajar Universiti, Melonjak ke Hadapan yang mempunyai 5 Strategi Teras (5ST).

- 
- a) Memperkasakan TVET, Meluncur Kerjaya
 - b) Mempromosikan RICE, Menjana Pendapatan
 - c) Menjuarai Khidmat Insani, Mengundang Kesejahteraan
 - d) Mencetuskan Ekosistem Rancak, Melestarikan Universiti
dan
 - e) Mengembangkan Nilai, Mengamit Kemakmuran.
6. Sebagai makluman semua, UTeM 5ST telah memulakan pelan tindakannya secara berfasa sehingga tempoh berakhir 2025 bersama saya. Dalam merealisasikan UTeM 5ST ini, peranan Alumni UTeM amatlah diharapkan untuk


menyokong pihak Universiti mencapai sasaran yang ditetapkan.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

- 
7. Pihak Universiti amat mengharapkan program perkongsian seumpama ini dapat diteruskan secara berkala. Sebagai mentor kepada siswa/siswi UTeM, Alumni UTeM diharap dapat memberikan semangat, pendedahan dan pengalaman baru kepada adik-adik yang masih dalam pengajian.


8. Selain itu, Universiti juga amat memerlukan kerjasama dan sumbangan berterusan daripada Alumni UTeM khususnya dalam memberikan sumbangan kepada pihak Universiti menerusi tabung endowmen, sumbangan dan wakaf bagi menyokong kelestarian proses perkembangan ilmu di Universiti. Sebagai makluman AUTeM, hampir 60% populasi siswa/siswi UTeM terdiri daripada mereka yang tergolong dalam kumpulan B40. Justeru, sumbangan ikhlas dari semua pihak amatlah diharapkan, bagi mengurangkan bebanan siswa/siswi ini.

9. Bagi pihak Universiti, saya meletakkan harapan yang tinggi kepada alumni UTeM untuk terus menabur bakti kepada universiti ini. Insya Alllah, usaha kita bersama ini dapat menyumbang kearah kejayaan UTeM yang lebih cemerlang dan gemilang.



10. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil kesempatan menyeru semua untuk hadir Mesyuarat Agong (AGM) AUTeM yang akan diadakan pada hari esok. AGM Ini merupakan sebuah sidang untuk pemilihan jawatankuasa tertinggi dalam meneraju AUTeM. Kehadiran anda semua ke AGM tersebut amatlah penting dalam membantu AUTeM

merancang hala tuju dan program yang bakal dilaksanakan. Saya sendiri akan sama-sama hadir bagi merapatkan ukhwah dikalangan alumni UTeM yang hadir.



Melingkar sang ular di tepi batu
Menjadi tumpuan si anak helang
Alumni UTeM teguh bersatu
Menjadi pemangkin UTeM terbilang

Sekian, terima kasih.